



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

RIGHTS OF MUSLIM WOMEN IN THE MODERN WORLD



Proceeding

Organized by
Faculty of Shariah and Law
Sultan Sharif Ali Islamic University

Venue | *Brunei International Defence Exhibition Centre (BRIDEX)*

RIGHTS OF MUSLIM WOMEN IN THE MODERN WORLD

ORGANIZED BY:
FACULTY OF SHARIAH AND LAW
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

19 & 20 JAMADILAWAL 1433H/
11 & 12 APRIL 2012M

BRUNEI INTERNATIONAL DEFENCE EXHIBITION CENTRE
(BRIDEX)

Publisher:

FACULTY OF SHARIAH AND LAW
Sultan Sharif Ali Islamic University
Simpang 347, Jalan Pasar Baharu
BE 1310, Gadong,
Negara Brunei Darussalam

Tel. No.:

+673-2462234

Email Address:

seminar.syariah@unissa.edu.bn

All Rights Reserved

ISBN :

978-99917-1-940-7

Published by:
Faculty of Shariah and Law,
Sultan Sharif Ali Islamic University.

Copyright © 2012

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopy, recording or otherwise, without the prior permission of the copyright owner.

The responsibility for facts and opinions expressed in this publication rests solely with the authors. Their opinions and interpretations do not necessarily reflect those of the Sultan Sharif Ali Islamic University.

Printed in Negara Brunei Darussalam
April 2012.

Diterbitkan oleh:
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

Hakcipta Terpelihara © 2012

Hakcipta Terpelihara. Kandungan prosiding termasuk maklumat, teks, imej, grafik dan susunannya serta bahan-bahannya ialah kepunyaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali kecuali dinyatakan sebaliknya. Tiada mana-mana bahagian prosiding ini boleh diubah, disalin, diedar, dihantar semula, disiarkan, dipamerkan, diterbitkan, dilesenkan, dipindah, dijual atau diuruskan bagi tujuan komersil dalam apa jua bentuk sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada pihak Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

Namun, segala fakta dan pandangan di dalam kertas kerja adalah tanggungjawab pengarang sendiri. Pihak Universiti Islam Sultan Sharif Ali tidak bertanggungjawab atas apa-apa interpretasi dan pandangan kertas kerja yang dimuatkan di dalam prosiding.

Dicetak di Negara Brunei Darussalam
April 2012.

HAK WANITA DALAM ISLAM : CABARAN-CABARAN PEMODENAN

Najibah Mohd Zin¹

PENGENALAN

Perbincangan tentang hak-hak wanita dalam Islam sentiasa mendapat kritikan bukan hanya oleh masyarakat barat tetapi juga oleh aktivis wanita Islam yang menerajui pemikiran liberal. Tidak kurang juga ia datang daripada wanita Islam yang ditindas disebabkan amalan budaya yang dilihat bersifat berat sebelah terhadap wanita dan sistem perundangan yang tidak praktikal sehingga interpretasi undang-undang yang dipakai memberikan impak negatif terhadap wanita. Persepsi ini juga dipengaruhi oleh penulisan-penulisan orientalis barat yang mentafsirkan kedudukan wanita Islam melalui kaca mata amalan budaya yang menyebabkan agama Islam dianggap sebagai agama yang menindas kaum wanita. Kekeliruan ini ditambah pula oleh deklarasi antarabangsa seperti CEDAW yang dilihat mengutamakan konsep kesamaan gender dan menjadikan undang-undang Islam sebagai halangan utama bagi pelaksanaan intipati deklarasi tersebut.

Pada masa yang sama, kebanyakan adat yang diamalkan oleh orang Islam, lebih-lebih lagi di negara-negara Islam sering kali menunjukkan layanan yang buruk terhadap wanita. Oleh itu, penulisan ini akan melihat dengan lebih mendalam tentang hak-hak asasi wanita berdasarkan bukti yang menunjukkan bahawa undang-undang Islam mempunyai rangkuman undang-undang sangat lengkap dan menyeluruh untuk mengatur hal-ehwal kaum wanita dan meninggikan martabat mereka dalam masyarakat. Kajian ini juga melibatkan analisis semasa terhadap prinsip-prinsip sedia ada bagi menentukan kesesuaiannya dalam era moden ini. Rujukan turut dibuat terhadap undang-undang antarabangsa bagi mengukuhkan lagi hujah dan membuat perbandingan kesesuaian undang-undang antarabangsa tersebut dengan kedudukan wanita dalam Islam.²

Pendapat umum tentang prinsip kesamarataan antara jantina

Hak wanita dalam Islam telah dibincangkan dengan panjang lebar oleh banyak cendekiawan Islam dan ini menunjukkan kepentingan perkara ini dari sudut pandang Islam. Sejarah telah membuktikan bahawa berbanding dengan lelaki, wanita sering kali dinafikan hak. Sebelum kedatangan Islam, wanita digambarkan sebagai kumpulan yang tidak mempunyai hak dan banyak amalan yang berkaitan dengan urusan dirinya sehinggalah hubungan kekeluargaan sentiasa tertakluk pada penindasan. Amalan menanam anak perempuan hidup-hidup, menceraikan isteri sesuka hati, poligami yang tidak terhad dan penafian hak terhadap harta

¹ Dr Najibah Mohd Zin ialah Professor di Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

² Sila rujuk sebagai contoh penulisan kontemporari tentang hak dan status wanita dalam Islam, Ashgar Ali Engineer, (1996) *The Rights of Women in Islam*, USA: St Martin's Press; Abdul Rahman I Doi, (1989) *Women in Shari'ah*, London: Ta Ha Publishers; Fatima Umar Naseef (1999) *Women in Islam: A Discourse in Rights and Obligations*, Egypt: International Islamic Committee for Women and Child, hlm. 3.

merupakan subjek tumpuan dalam penulisan yang membincangkan kedudukan wanita sebelum kedatangan Islam.³

Antara perkara penting yang sering dikritik ialah tentang hak sama rata antara jantina, iaitu antara lelaki dengan wanita. Ketidaksamarataan ini digambarkan sebagai amalan sangat tidak adil dan telah dijadikan anggapan umum atau generalisasi, penguasaan terhadap kaum wanita dan layanan sebagai warga kelas kedua⁴ terhadap mereka. Meskipun hak kesamarataan antara jantina tidak semestinya dinilai berasaskan kepada pemahaman literal, namun para 'ulama' bersetuju bahawa hak kesamarataan perlu dilihat sebagai pengiktirafan terhadap kemuliaan kedua-dua jantina secara adil dan saksama, sama ada dalam bidang sosial, ekonomi, politik dan tanggungjawab-tanggungjawab dalam hubungan kekeluargaan.

Hujah ini disandarkan pada syarak yang menerangkan aspek kesejagatan dalam penciptaan manusia. Konsep kemuliaan manusia telah disebutkan dalam banyak ayat al-Qur'an yang memberikan bukti yang cukup tentang asal-usul manusia. Sebagai contoh al-Qur'an menyatakan:

Atau adakah kamu merasa aman (dan tidak memikirkan) bahawa Allah akan mengembalikan kamu sekali lagi ke laut, kemudian Dia menghantarkan kepada kamu angin ribut yang memecah belahkan segala yang dirempuhnya, lalu Dia mengaramkan kamu dengan sebab kekufuran kamu; kemudian kamu tidak beroleh sesiapaupun yang boleh menuntut bela tentang itu terhadap Kami?⁵

Secara umumnya, perkataan Bani Adam mewakili lelaki dan perempuan dan kedua-duanya memiliki kemuliaan tanpa sebarang perbezaan. Konsep penciptaan manusia yang bersifat sejagat bertepatan dengan fakta bahawa semua manusia memiliki kehormatan jika seseorang melindungi kehormatan dirinya dengan keimanan, amal salih, dan ketaqwaan, iaitu nilai-nilai mulia yang membezakan tahap kerohanian seseorang individu di sisi Allah. Atas alasan inilah, al-Qur'an menyatakan:

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu⁶

Ayat yang disebutkan ini menyatakan tentang penciptaan manusia yang pelbagai sifatnya, iaitu bersuku-suku dan berbangsa-bangsa untuk menggambarkan dan memenuhi keperluan antara sesama mereka. Prinsip ini juga digunakan dalam hubungan antara lelaki dengan wanita. Keperluan itu diterangkan dengan lebih lanjut lagi dalam beberapa ayat al-Qur'an yang lain dan

³Lihat L. Esposito John (1998) Pengenalan: Wanita dalam Islam dan Pertubuhan Islam di Yvonne Yazbeck Haddad dan John L. Esposito (Ed.) (1998) *Jantina Islam dan Perubahan Sosial*, New York: Oxford University Press, hlm. xi.

⁴Lihat sebagai contoh Ashgar Ali Engineer, hlm.42.

⁵Surah al-Isra' 17 : 70.

⁶Surah al-Hujurat 49 :13.

kepentingannya samalah seperti keperluan manusia terhadap makanan dan pakaian⁷. Semua keperluan ini adalah amat penting bagi kelangsungan kehidupan manusia. Hubungan antara lelaki dengan wanita dikukuhkan lagi oleh penegasan dalam permulaan Surah al-Nisa', iaitu surah yang khusus menangani dan menyusun atur setiap aspek kehidupan wanita dan urusan rumahtangga. Al-Qur'an menyebut:

“Wahai sekalian manusia! Bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam) dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya iaitu Hawa) dan juga yang membiakkan dari keduanya zuriat keturunan, lelaki dan perempuan yang ramai”⁸.

Ayat ini memberikan penjelasan yang jelas dan menyokong perbincangan sebelumnya bahawa lelaki dan wanita berasal daripada keturunan yang sama, iaitu Adam dan mereka berdua bukan merupakan dua entiti yang berbeza bahkan sebaliknya ialah pasangan⁹. Oleh yang demikian, mereka harus melayan antara sesama sendiri sebagaimana saudara dan tidak sama sekali memudaratkan antara satu dengan yang lain. Hadith Nabi s.a.w. juga menyokong penjelasan ini dengan pernyataan bahawa Allah mencipta Hawa daripada tulang rusuk Adam. Oleh yang demikian, ia (wanita) mesti dihormati dan dilayan dengan baik dan dengan penuh kesabaran.¹⁰

Walau bagaimanapun, terdapat juga ayat al-Qur'an yang meletakkan lelaki pada darjat yang lebih tinggi berbanding dengan wanita. Ini disebabkan peranan atau fungsi sosial serta biologi yang dilaksanakan oleh kedua-dua jantina dan tidak seharusnya dianggap sebagai pemerolehan kelebihan dengan mengatasi pihak yang lain (wanita). Ini dijelaskan lebih lanjut oleh ayat al-Qur'an yang mengatakan:

Dan isteri-isteri itu mempunyai hak yang sama seperti kewajipan yang ditanggung oleh mereka (terhadap suami) dengan cara yang sepatutnya (dan tidak dilarang oleh syarak); dalam pada itu orang-orang lelaki (suami-suami itu) mempunyai satu darjat kelebihan atas orang-orang perempuan (isterinya)¹¹

Dan bagi mereka masing-masing (dari puak jin dan manusia yang berbuat baik dan yang berbuat jahat) disediakan berbagai peringkat (balasan) yang sesuai dengan apa yang mereka telah kerjakan dan (ketetapan yang demikian ialah) supaya Allah menyempurnakan bagi mereka balasan amal-amal mereka, sedang mereka tidak dirugikan (sedikitpun)¹²

Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan

⁷ Sebagai contoh, Surah al-Baqarah 2 : 187.

⁸ Surah al-Nisa' 4 : 1.

⁹ Surah al-Syura 42:11 dan Surah al-A`raaf 7:189. Lihat al- Qurtubi, *Al Jami'u al-Ahkam Al-Qur'an*, Jil.5, maklumat penerbit tidak dinyatakan, hlm.3.

¹⁰ Sahih al- Bukhari, Hadith no. 548.

¹¹ Surah al-Baqarah 2:228.

¹² Surah al-Ahqaf 46:19.

dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka.¹³

Para mufassirin berpendapat bahawa istilah '*qawwam*' tidak lebih daripada penyumbang sara hidup atau nafkah untuk keluarga yang merupakan perkara biasa dalam kehidupan secara bersama dan ia pula selaras dengan sifat semula jadi kaum lelaki. Hubungan ini menjelaskan sifat kepemimpinannya terhadap keluarganya disebabkan perkahwinan dan pelaksanaan tanggungjawabnya kepada Allah.¹⁴ Ia sebaliknya tidak memberikan kuasa untuk menindas isteri kepada seseorang suami. Ini juga bertujuan mengawal fungsi sosial tanpa mengabaikan hakikat bahawa sumbangan wanita adalah penting dalam memenuhi keperluan kewangan keluarga.¹⁵ Perbezaan ini sangat penting untuk melenyapkan salah tanggapan terhadap peranan setiap pihak dalam hubungan kekeluargaan atau rumahtangga. Tanpa wujudnya kefahaman, ia pasti akan mendorong berlakunya penderaan fizikal atau mental yang lazimnya berlaku dalam kelompok masyarakat yang tertentu. Ini disebabkan kegagalan memahami interpretasi kontekstual ayat-ayat al-Qur'an yang tertentu dan ia sering kali menyebabkan berlakunya pentafsiran ayat-ayat al-Qur'an secara literal. Sebagai contoh ialah ayat yang membenarkan suami untuk memukul isteri telah difahami sebagai galakan untuk melakukan keganasan rumahtangga yang seterusnya mendorong kepada diskriminasi gender. Peruntukan ini secara khusus melibatkan hukuman fizikal "dengan tujuan mendisiplinkan isteri tanpa sama sekali mengakitbatkan kecederaan"¹⁶ oleh pihak berwajib terhadap wanita yang enggan melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan atau telah melakukan *nusyuz*.¹⁷ Jika tidak, si suami hendaklah membayar ganti rugi atas apa juga bentuk kecederaan yang dilakukan terhadap isteri.¹⁸ Remedi ini hanya boleh dilakukan selepas beberapa langkah pencegahan dan usaha perdamaian diambil seperti melalui rundingan, nasihat keluarga atau pemisahan tempat tidur.¹⁹ Ini kerana ajaran Islam tidak pernah sama sekali membenarkan perbuatan memukul atau mendera isteri yang merupakan amalan biasa pada zaman sebelum kedatangan Islam. Dirwayatkan bahawa dalam khutbah Baginda, Rasulullah s.a.w. pernah secara sinis menyebut tentang kebiasaan kaum lelaki yang memukul isteri mereka, namun kemudiannya meniduri mereka.²⁰ Dirwayatkan daripada `Aisyah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. tidak pernah memukul hamba atau isteri Baginda, atau juga memukul sesuatu dengan tangannya.²¹

Dalam mengimbangi kedua-dua hak, penekanan diberikan terhadap kepentingan mengambil nasihat dan persefahaman secara bersama dalam keputusan keluarga yang disebut

¹³ Surah al-Nisa' 4:34.

¹⁴ Al-Qurtubi, *Al-Jami'u al-Ahkam Al-Qur'an*, Jil.5, hlm.169.

¹⁵ Lihat Ashgar Ali Enginner, hlm.50.

¹⁶ Lihat Al Qurtubi, *Al Jami'u al-Ahkam Al-Qur'an*, Jil.5, hlm. 172.

¹⁷Peruntukan ini telah dimasukkan dalam undang-undang moden sebagai salah satu kesalahan hal ehwal suami isteri yang dilakukan oleh isteri. Melihat contoh Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) Akta 1984, s.59

¹⁸Lihat Al Qurtubi, *Al Jami'u al-Ahkam Al-Qur'an*, Jil.5, hlm. 172

¹⁹ Semua langkah yang disebut dalam al-Qur'an, Surah al-Nisa' 4:34.

²⁰ Sunan Ibn Majah, Sunan Ibn Majah, Hadith 1983, terjemahan ke bahasa Inggeris oleh Muhammad Tufail Ansari, Lahore: Zaki Publication, 1993, hlm.194.

²¹ *Ibid.*, Hadith no.1984.

berulang-ulang kali dalam al-Qur'an seperti pengurusan nafkah anak selepas penceraian²² penyelesaian konflik rumahtangga²³, dan dalam situasi yang rumit seperti penceraian.²⁴

Hak asasi wanita dan anak-anak perempuan

Undang-undang Islam telah mengangkat darjat wanita dengan memansuhkan amalan tradisi membunuh anak perempuan hidup-hidup ketika zaman sebelum Islam. Al-Qur'an menyatakan bahawa wanita mempunyai hak untuk hidup sama seperti lelaki dan ini bertepatan dengan maqasid al-syari'ah, iaitu memelihara nyawa. Tindakan membunuh anak perempuan disebabkan kebimbangan terhadap rasa malu, keaiban, dan kemiskinan telah ditempelak oleh al-Qur'an dengan amat keras.²⁵ Dalam sebuah Hadith, Rasulullah s.a.w. bersabda, "Jika sesiapa mempunyai anak perempuan dan tidak menanamnya hidup-hidup atau menghinanya, atau lebih mengutamakan anak lelaki berbanding dengan anak perempuan itu, Allah akan memasukkannya ke syurga".²⁶ Hadith ini tidak menyebut tentang anak lelaki.

'Ulama' menekankan kepentingan tanggungjawab keibubapaan bagi memberikan penjagaan kepada seseorang anak sejak ia berada di dalam rahim ibu lagi. Justeru itu, bapa sebagai penyumbang kewangan utama, mesti memastikan bahawa ibu memperoleh makanan yang berkhasiat dan sihat pula dari aspek rohani serta jiwanya.²⁷ Tugas ini berterusan sehinggalah anak tersebut lahir dan kedua-dua penjaganya²⁸ bertanggungjawab untuk memberikan penjagaan dan perlindungan yang diperlukan sehinggalah ia mencapai umur perkahwinan²⁹, iaitu selepas perkahwinan, hak penjagaan diserahkan kepada suaminya. Jika tidak, ia terus berada dalam penjagaan bapa atau penjaganya jika ia kekal tidak berkahwin atau setelah bercerai dengan suaminya. Prinsip yang diasaskan pada konsep kebajikan atau kepentingan anak (*maslahah*) telah bentuk dengan sempurna dalam undang-undang Islam yang mempertanggungjawabkan kedua-dua ibu dan bapa untuk memberikan yang terbaik kepada anak mereka, termasuklah perkembangan dan keperluan anak tersebut. Mereka juga bertanggungjawab terhadap penjagaan harian dan kawalan serta membuat keputusan dalam semua urusan disebabkan ketidakmampuan kanak-kanak tersebut untuk membuat keputusan bagi dirinya selain menggalakkan pemupukan minda³⁰ dengan memberikan pendidikan yang sewajarnya sebagai persediaan kepada kanak-kanak tersebut pada masa hadapan. Atas sebab inilah, Rasulullah s.a.w. mengajar ibu bapa supaya mendidik anak mendirikan solat ketika berusia tujuh tahun, iaitu umur *mumayyiz* dan membimbing mereka dengan penuh kesabaran dan

²²Surah al-Baqarah 2:233.

²³ Surah al-Nisa' 4:34,35.

²⁴ Surah al-Baqarah 2:229.

²⁵Lihat Surah al-Nahl 16: 57-59; Surah al-Takwir 81:8, dan Surah al-Ma'idah 6: 151.

²⁶Sunan Abu Dawud, Kitab al- Adab; Hadith 5127, terjemahan ke bahasa Inggeris, hlm.1424.

²⁷Lihat juga Fatima Umar Naseef, hlm. 75.

²⁸Dalam kebanyakan kes, penjaga ialah bapa atau saudara terdekat yang lain dalam ketiadaan bapa. Konsep ini berbeza dengan amalan sebelum Islam, iaitu wanita dianggap sebagai barang, ia boleh diwarisi atau dimiliki atau juga diperhambakan.

²⁹Surah al-Nisa' 4:6. Ia merujuk kepada umur baligh, iaitu seseorang gadis mampu untuk memahami dan memegang tanggungjawab dalam semua aspek kehidupan termasuk perkahwinan. Beberapa fuqaha Islam menetapkannya pada usia 15 tahun manakala yang lain menetapkan 18 tahun. Untuk Maklumat lanjut lihat, Al-Qurtubi, Al-Jami'u al-Ahkam al-Qur'an, Jil.5, hlm. 34.

³⁰Lihat sebagai contoh pandangan yang diutarakan oleh Al-Nawawi, Minhaj Et Talibin, Manual Muhammadan Law, (Diterjemahkan ke bahasa Inggeris oleh E.C. Howard, Lahore: Law Publishing Company, hlm. 391). Lihat juga Sayyid Sabiq, Fiqh alSunnah, Jil.2, hlm.301-302.

secara berterusan.³¹ Perbincangan ini menunjukkan bahawa wanita sentiasa dilindungi sepanjang hidup mereka oleh penjaga mereka yang terdiri daripada keluarga terdekat atau juga negara dengan ketiadaan penjaga. Walaupun konsep penjagaan telah dikritik sebagai bersifat kebapaan dan memberikan konotasi yang negatif, pelaksanaan kuasa mestilah selari dengan tujuan undang-undang, iaitu memberikan perlindungan kepada wanita berbanding dengan meletakkan sekatan kepada wanita dalam melaksanakan hak mereka.

Hak anak-anak telah termaktub dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia Kaherah³² yang menunjukkan keselarasan antara peraturan umum dalam undang-undang Islam dan keperluan moden tentang perkembangan fizikal, emosi, dan perkembangan spiritual anak-anak. Artikel tersebut menyebut:

- a) Sejak dilahirkan, setiap anak mempunyai hak daripada ibubapa, masyarakat dan Negara supaya diberikan penjagaan, pendidikan dan alatan, kebersihan dan penjagaan moral. Anak di dalam kandungan dan si ibu mestilah dilindungi dan diberikan penjagaan khas.
- b) Ibu bapa dan mereka yang setaraf mempunyai hak untuk memilih pendidikan yang mereka mahukan untuk anak-anak mereka, mengambil kira minat dan masa depan anak itu berlandaskan nilai-nilai mulia dan prinsip Shari'ah.³³

Peruntukan ini yang merupakan intisari bagi perundangan Islam, menekankan hak anak yang perlu ditunaikan oleh ibu bapa atau penjaga mereka, antaranya hak untuk diberikan nama yang baik, hak kebapaan, dan kewarganegaraan sebaik sahaja anak tersebut lahir.³⁴

Selain keperluan fizikal, aspek yang paling penting bagi hak wanita ialah hak untuk menerima pendidikan bagi perkembangan intelektual, emosi, dan rohani. Hadith tentang 'mencari atau mendapatkan ilmu adalah wajib'³⁵ merupakan peringatan kepada semua lelaki dan wanita. Kepentingan pendidikan kepada wanita telah diberikan penekanan dalam banyak Hadith termasuklah ganjaran yang berganda bagi seorang lelaki yang mengajar keluarganya walaupun wanita tersebut ialah seorang hamba. Rasulullah s.a.w. sendiri menunjukkan contoh dengan mengajar ilmu agama dan hal-hal yang berkaitan dengan mereka kepada kaum wanita. Pada suatu tahap, Baginda s.a.w. juga memperuntukkan masa yang khusus untuk mereka disebabkan kebanyakan masa diperuntukkan untuk kaum lelaki.³⁶ Keadaan ini menunjukkan kepentingan pendidikan kepada umat Islam tanpa mengira jantina yang merupakan sesuatu yang lumrah dalam sejarah Islam. Telah dibuktikan pada zaman permulaan Islam, wanita dipandang rendah seperti barangan namun kemudiannya mereka menjadi antara 'tokoh ilmuwan pada zaman

³¹Surah Taha 20 :132.

³² Pengisytiharan ini ialah dokumen berhubung dengan Hak Asasi Manusia dalam Islam yang menjadi panduan bagi negara-negara Anggota dalam semua aspek kehidupan berdasarkan prinsip Islam. Pengeluaran dokumen ini telah dibuat dalam Persidangan Menteri Luar Islam kesembilan belas (Sesi Keamanan, Kesalingbergantungan, dan Pembangunan), yang diadakan di Kaherah, Republik Arab Mesir, dari 9-14 Muharram 1411H (31 Julai hingga 5 Ogos 1990).

³³Deklarasi Hak Asasi Manusia Kaherah, Perkara 7.

³⁴Prinsip ini diperolehi daripada perintah al-Qur'an yang menggambarkan peristiwa yang berlaku selepas kelahiran Maryam, ibu Nabi Isa. Lihat juga Surah Ali 'Imran 3: 36. Terdapat banyak Hadith yang menerangkan kepentingan memberi nama yang baik kepada bayi yang baru dilahirkan.

³⁵Hadith ini telah disebut dalam banyak riwayat. Sebagai contoh Sunan Ibn Majah, terjemahan ke bahasa Inggeris oleh Muhammad Tufail Ansari, Lahore: Zaki Publication, 1993, hlm. 126.

³⁶Lihat Sahih al-Bukhari, Hadith 83, 84, 87.

mereka dan mula memberikan bimbingan kepada orang lain dalam urusan pendidikan'. Sejarah mencatat bahawa cendekiawan wanita Islam yang terkenal kerana kebijaksanaan dan sumbangan besar pada zaman permulaan Islam merupakan isteri-isteri Rasulullah s.a.w. sendiri seperti `Aisyah r.a., yang menjadi guru bagi para sahabat dan tabi'in³⁷ dalam pelbagai cabang ilmu, Safiyyah yang mendalami bidang fiqh selain isteri-isteri serta anak-anak perempuan para sahabat.³⁸

Deklarasi Hak Asasi Manusia Kaheerah menekankan kepentingan ilmu pengetahuan dengan menyatakan:³⁹

- a) Pencarian ilmu merupakan suatu kewajipan dan tugas memberi pendidikan adalah tanggungjawab masyarakat dan Negara. Negara perlu memastikan adanya peluang pendidikan dan memastikan kepelbagaian cabang ilmu yang menetapi kehendak masyarakat bagi membolehkan seseorang mengenali Islam dan membongkar rahsia alam semesta untuk manfaat seluruh manusia.
- b) Setiap manusia mempunyai hak untuk menerima pendidikan agama dan dunia daripada pelbagai insititusi perguruan, pendidikan dan keilmuan, termasuk keluarga, sekolah, university, pihak media dan lain-lain, dan bersepadu dan seimbang yang dapat membina peribadi, menguatkan keyakinan kepada Allah dan mendorong toleransi manusia dan mempertahankan kedua-dua hak dan kewajipan.

Peruntukan ini menekankan hak asasi untuk anak-anak umat Islam tanpa mengira jantina untuk menerima pendidikan dalam memenuhi keperluan fizikal dan spiritual, dan Negara bertanggungjawab untuk menyediakan kemudahan yang diperlukan bagi menyokong proses pembelajaran.

Hak dan tanggungjawab dalam perkahwinan

Satu lagi peringkat penting dalam kitaran kehidupan seseorang wanita ialah apabila mencapai usia dewasa, iaitu suatu tahap yang memperlihatkan hak dan tanggungjawab mereka menjadi lebih penting lagi. Pada peringkat ini, undang-undang Islam memperuntukkan hubungan yang lebih wajar dan seimbang antara hak wanita sebagai seorang dewasa dengan penjaganya. Dalam sesetengah budaya, ibu bapa cenderung untuk menunjukkan sikap terlalu melindungi sehingga menyebabkan wanita sering kali dituduh sebagai menderhaka dan mengabaikan adat serta tradisi.⁴⁰ Dalam kebanyakan masyarakat, perkahwinan secara paksaan lazimnya diamalkan yang biasanya pula berakhir dengan penderaan atau perceraian. Justeru itu, adalah penting bahawa kedudukan wanita sebagaimana dijamin undang-undang mesti difahami dalam konteks yang menepati tujuan dan objektif perundangan Islam. Ini termasuklah memberikan pengiktirafan yang lebih besar terhadap hak mereka sebagai *feme sole* agar mereka memperoleh hak untuk

³⁷Mereka yang hidup semasa hayat para sahabat atau lebih dikenali sebagai generasi ketiga.

³⁸Abdur Rahman I Doi. hlm..139-144; Lihat juga Fatima Umar Nasef, hlm. 83-84.

³⁹Lihat Deklarasi Hak Asasi Manusia Kaheerah, Perkara 9.

⁴⁰ Lihat juga Fatima Umar Naseef, hlm. 89.

mengekalkan nama keluarga selepas perkahwinan ataupun hak-hak lain yang diperuntukkan oleh undang-undang.

Hak untuk berkahwin dan memilih suami

Walaupun tugas penjaga seseorang wanita adalah penting dalam menentukan kepentingan dirinya dilindungi termasuklah memilih suami yang sesuai untuknya, kuasa ini mestilah diseimbangkan dengan haknya untuk membuat pilihan. Hadith ini memberikan panduan tentang cara memilih isteri atau suami, dengan mengambil kira kecenderungan manusia terhadap kecantikan, keturunan yang baik, dan kekayaan, namun menekankan agar nilai agama diberikan keutamaan.⁴¹ Oleh itu, ibu bapa diharap akan membantu pasangan muda untuk membuat keputusan yang bijak berdasarkan pengalaman yang dimiliki oleh mereka.

Perkara yang sama juga terpakai dalam peraturan yang membenarkan bapa atau datuk sebelah bapa dengan ketiadaan bapa, untuk mengahwinkan seseorang gadis, iaitu hak yang dilaksanakan bagi menjamin kebajikan gadis tersebut dan ia kekal menjadi anggapan yang sah.⁴² Hadith ini menekankan bahawa seseorang bapa atau penjaga tidak boleh mengahwinkan anak perempuannya tanpa kebenarannya.⁴³ Oleh itu, fuqaha' seperti Syafi'e berpandangan bahawa seseorang bapa hanya boleh mengahwinkan anaknya jika pasangan lelaki memenuhi kriteria, iaitu memiliki kemampuan kewangan yang mencukupi untuk kehidupan seharian, kedua-dua bapa dan anak perempuan berada dalam hubungan yang baik untuk menolak anggapan bahawa terdapat unsur paksaan dan kedua-dua pihak dalam perkahwinan mestilah sekufu. Jika tidak, kebenaran kedua-dua pihak adalah memadai dan pihak wanita memiliki kemampuan penuh dari segi undang-undang untuk berkahwin. Dalam konteks yang sama, Mazhab Hanafi meletakkan syarat yang ketat bagi prinsip kufu sebagai prinsip utama dalam perkahwinan untuk melindungi maruah si gadis.⁴⁴ Jika sebaliknya, Rasulullah membenarkan gadis itu untuk membubarkan perkahwinan tersebut dan dalam riwayat yang lain, Rasulullah s.a.w. mengisytiharkan perkahwinan itu sebagai tidak sah kerana tidak mendapat persetujuan daripada anak perempuan.⁴⁵

Hak kewangan semasa perkahwinan dan selepas perceraian

Selain semua peruntukan untuk gadis tersebut sebagai perlindungan terhadapnya semasa perkahwinan, hak secara sepenuhnya terhadap mahar juga dijamin.⁴⁶ Walaupun undang-undang moden tidak menetapkan mahar sebagai syarat sah perkahwinan, namun ia diwajibkan untuk diberikan ketika aqad dijalankan yang diberikan kepada seseorang wanita atau isteri oleh suaminya. Kitab-kitab fiqh secara konsisten mengesahkan hak mutlak wanita terhadap mahar

⁴¹ Hadith ini diriwayatkan dalam kompilasi Hadith-hadith sahih. Untuk rujukan sila lihat ringkasan Sahih al-Bukhari, disusun oleh al- Imam Zainuddin Abdul Lateef Az-Zubaidi, diterjemahkan oleh Dr Muhammad Muhsin Khan, Saudi : Maktabah Dar-us-Salam, di bawah bab Kitab al-Nikah, Hadith no.1835.

⁴² Sahih al Bukhari, Hadith no.1847.

⁴³ Sahih al Bukhari , Hadith 1848.

⁴⁴ . Banyak Hadith Nabi yang menetapkan supaya kedua-dua pihak dalam perkahwinan memiliki status yang sama. Lihat Hadith yang diriwayatkan oleh Dar al-Qutni, Sunan Dar al-Qutni, Kitab al-Nikah, Jil. 2, Beirut: Dar al- Kutub al-'Ilmiyyah, hlm. 208. Lihat juga al-Marghinani, Hedaya, ulasan undang-undang Islam, terjemahan ke bahasa Inggeris oleh Charles Hamilton, hlm. 40; Wahbah al-Zuhaili, Fiqh al-Islami wa Adillatuhu, Jil.9, Damsyik: Dar al-Fikr, 2005, hlm.6573 dan 6706-7.

⁴⁵Sahih al Bukhari, Hadith 1850.

⁴⁶Surah al-Nisa 4:4.

dan ia tidak berpindah kepada bapa atau suami kecuali atas kerelaannya dan undang-undang ini diasaskan pada perintah al-Qur'an.⁴⁷ Ini merupakan pembaharuan sepenuhnya terhadap amalan lama bahawa mahar dianggap sebagai harta penjaga atau pun suami.⁴⁸ Pembayaran mahar mencerminkan hubungan dua hala antara pihak yang membuat perjanjian perkahwinan dengan memberikan mahar sebagai hadiah yang melambangkan kasih sayang dan tindakan memenuhi keperluan seks melalui perkahwinan yang sah.

Di samping mahar, wanita berkahwin juga berhak menerima nafkah daripada suaminya sebagai suatu hak, yang meliputi keperluan asasnya seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, pembantu rumah jika diperlukan, dan keperluan-keperluan yang lain yang mungkin berbeza daripada seorang dengan yang lain.⁴⁹ Walau bagaimanapun, pematuhan terhadap keperluan dan kedudukan sosial wanita berkahwin dalam masyarakat menjadi penilaian utama dalam menentukan jumlah tersebut. Walaupun pemberian nafkah ditetapkan sebagai kewajipan seorang lelaki terhadap keluarganya, Islam menekankan bahawa tindakan memberi nafkah juga merupakan sebahagian sedekah jika ia membelanjakan sesuatu untuk keluarganya dengan tujuan memperoleh ganjaran daripada Allah s.w.t. Rasulullah juga pernah menjual tamar daripada kebun Bani Nadhir dan menyimpan bekalan makanan untuk keluarganya selama setahun.⁵⁰ Piawai ini juga terpakai dalam perkahwinan poligami, iaitu keupayaan untuk memberikan nafkah secukupnya harus menjadi kriteria utama dalam menentukan kelayakan suami untuk berkahwin lagi selain faktor-faktor lain yang diperuntukkan dalam undang-undang.⁵¹ Kesungguhan Islam dalam melindungi hak wanita berkahwin terhadap nafkah memberikan mereka pilihan untuk menamatkan perkahwinan atas factor-faktor kegagalan untuk memberikan nafkah.⁵² Dalam riwayat yang lain, Rasulullah s.a.w. telah memberikan keizinan kepada Hindun, isteri kepada Abu Sufyan yang membuat aduan tentang sifat kedekut suaminya untuk mengambil jumlah yang munasabah daripada simpanan suami untuk perbelanjaan dirinya dan anak-anak.⁵³ Kisah ini memberikan peluang kepada wanita berkahwin untuk melaksanakan haknya melalui proses kehakiman walaupun dengan ketiadaan atau keengganan suaminya.

Hak untuk mendapatkan nafkah kekal selepas perceraian, iaitu dalam tempoh *`iddah*. Walaupun terdapat perselisihan pendapat tentang tuntutan ini, iaitu sama ada ia hanya melibatkan perceraian yang boleh dirujuk atau juga semua jenis perceraian, namun pandangan yang mengatakan bahawa pembayaran hendaklah dibuat tanpa mengira status perceraian adalah lebih praktikal bagi situasi semasa. Ia dapat menyediakan bantuan kewangan, terutamanya bagi wanita yang tidak mempunyai pendapatan yang stabil atau sumber-sumber kewangan. Jika tidak, kerajaan melaksanakan tanggungjawab sebagai penjaga. Ini termasuklah hak tempat tinggal selepas perceraian, kecuali bagi bagi mereka yang melakukan perbuatan tidak berakhlak.⁵⁴ Jika *`iddah* dijalani disebabkan kematian suami, hak terhadap tempat tinggal akan berterusan

⁴⁷Surah al- Baqarah, 2: 229.

⁴⁸Al-Qurtubi, *Al Jami'u al-Ahkam Al-Qur'an*, Jil.5, hlm. 23.

⁴⁹Surah al-Talaq 65:6.

⁵⁰Sahih al Bukhari, Hadith no. 1884, 1886.

⁵¹Surah al-Nisa, 4:3. Lihat juga Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-WilayahPersekutuan) 1984, s. 23 (4). Banyak negara Islam seperti Mesir dan Maghribi yang mengenakan sekatan-sekatan yang sama.

⁵²Lihat al-Shaukani, *Nail al- Autar, Kitab al-Nafakah*, Jil.8, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, diterbitkan pada 1999, hlm. 343.

⁵³*Ibid.*, hlm. 342.

⁵⁴Surah al-Talaq, 65:1.

sehingga setahun.⁵⁵ Walaupun Islam menyediakan peruntukan yang bersifat umum, prinsip-prinsip yang terperinci berkaitan dengan nafkah telah digariskan oleh fuqaha' sebagai garis panduan yang lebih terperinci. Oleh itu, kebijaksanaan hakim adalah sangat diperlukan dalam membuat perintah, iaitu dengan mengambil kira keperluan dan keadaan kedua-dua pihak jika penyelesaian secara baik tidak dapat dilakukan.

Di samping hak untuk memohon nafkah, seorang wanita yang diceraikan tanpa sebab yang wajar atau adil oleh suaminya boleh memohon mut'ah atau pemberian sugu hati kepada Mahkamah berasaskan Hukum Syara'.⁵⁶ Ia merupakan peruntukan kewangan dalam bentuk pemberian sugu hati untuk meringankan beban dan menghiburkan hati isteri selepas perceraian. Prinsip ini diasaskan pada al-Qur'an yang menyebut:

Dan isteri-isteri yang diceraikan berhak mendapat Mut'ah (pemberian sugu hati) dengan cara yang patut, sebagai satu tanggungan yang wajib atas orang-orang yang bertakwa.⁵⁷

Wanita-wanita yang bercerai boleh menuntut sejumlah *mut'ah* jika punca perceraian bukanlah disebabkan kesalahannya. *Mut'ah* boleh dituntut walaupun permohonan untuk bercerai dimulai oleh pihak isteri. Undang-undang Islam tidak menetapkan jumlah itu, namun ia perlu mengambil kira kemampuan suami untuk membayarnya. Tuntutan *mut'ah* juga tidak melibatkan tuntutan harta sepencarian⁵⁸ dan ia tidak boleh dituntut dalam kes kematian suami.

Dalam perspektif yang lain, seorang wanita berkahwin juga boleh memohon pembahagian harta sepencarian yang mempunyai asasnya dalam Hukum Shara' dan adat Melayu.⁵⁹ Dalam konteks Malaysia, sebagai contoh ia merujuk kepada harta sepencarian semasa perkahwinan. Ia tidak termasuk harta yang diperolehi sebelum perkahwinan atau selepas perceraian, harta yang diperolehi melalui pusaka atau hadiah atau hadiah perkahwinan yang lazimnya diberikan kepada pasangan lelaki dan perempuan, melainkan terdapat perkembangan yang ketara terhadap harta berkenaan. Dalam keadaan ini, nilai harta yang bertambah akan tertakluk pada pembahagian. Bagi tujuan pembahagian, undang-undang mengkategorikan pemerolehan sesuatu harta, iaitu sama ada ia melibatkan pemerolehan secara sendiri atau bersama. Usaha secara bersama bermaksud kedua-dua pihak bersama-sama memperoleh harta dan ia akan dibahagikan sama rata antara pasangan. Usaha tunggal pula merujuk kepada harta yang diperolehi oleh satu pihak sahaja dan pihak satu lagi ialah suami atau isteri sebagai suri rumah. Dalam situasi ini, harta itu dibahagikan mengikut sumbangan suami atau isteri dalam memenuhi keperluan rumahtangga dan memberikan bantuan kepada pihak yang satu lagi secara tidak langsung. Dalam hal sedemikian, mahkamah biasanya memberikan bahagian sebanyak 1/3 daripada harta yang sepencarian.⁶⁰ Undang-undang menjamin hak terhadap harta sepencarian walaupun harta itu didaftarkan atas nama salah satu pasangan. Ia juga terpakai dalam kes sesuatu pasangan diisytiharkan mufliis.⁶¹ Mahkamah akan menjamin hak isteri sebelum melupuskan harta untuk membayar hutang pemiutang. Pindaan undang-undang terbaharu memperuntukkan harta

⁵⁵Surah al-Baqarah, 2: 240.

⁵⁶Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) Akta 1984.

⁵⁷Surah al-Baqarah, 2: 241.

⁵⁸Lihat *Tengku Putri Zainah v Dato Seri Najib Razak* (1998) 12 JH 1.

⁵⁹Ahmad Ibrahim (1997) *Family Law in Malaysia*, vol.3, Malayan Law Journal.hlm. 307.

⁶⁰Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) Akta 1984, s.58.

⁶¹Lihat *Overseas Pte v Anthony William O' Brien* [1988] 3 MLJ 332.

perkahwinan boleh dibahagikan dalam masa perkahwinan dalam kes poligami. Sebagaimana diamalkan di negeri Selangor, pihak suami diwajibkan untuk membuat peruntukan sejumlah harta kepada isteri pertamanya dalam borang permohonan untuk berpoligami. Tanpa perincian tersebut, Mahkamah Syariah tidak akan memproses permohonan tersebut.⁶²

Hak kepada perceraian

Antara kritikan yang lazimnya membabitkan wanita berhubung dengan perceraian ialah talaq, iaitu perceraian secara unilateral. Perceraian dalam bentuk ini merupakan sesuatu yang lumrah pada zaman sebelum Islam, iaitu suami boleh menceraikan isteri pada bila-bila masa dan sebanyak mana yang dikehendakinya.⁶³ Undang-undang Islam mengubah amalan ini dengan menghadkan bilangan talaq sebanyak dua kali sahaja yang boleh membenarkan kedua-dua pihak untuk berdamai dan kali ketiga adalah yang terakhir.⁶⁴ Walaubagaimanapun, banyak tulisan yang telah membincangkan kedudukan perceraian unilateral yang diamalkan kini dibuktikan menindas wanita, iaitu ketiadaan penguatkuasaan daripada kehakiman mahupun legislatif.⁶⁵ Dengan mengambil kira kesulitan yang dihadapi oleh isteri-isteri Muslim, perceraian melalui talaq yang dibuat luar mahkamah tidak diiktiraf di sesetengah Negara Islam dan ia tidak seharusnya digalakkan. Tambahan pula, prinsip umum menyatakan bahawa perceraian melalui talaq boleh berlaku walaupun dengan ketiadaan kesalahan pada pihak isteri, dan ini pada hakikatnya bertentangan dengan tujuan talaq itu sendiri.⁶⁶

Dalam mengimbangi hak yang diberikan kepada kepada kaum lelaki atau suami ini, peluang yang sama wajar diberikan kepada wanita atau isteri untuk membebaskan diri daripada ikatan perkahwinan melalui *khulu'* (cerai tebus talaq), iaitu sekiranya isteri berkenaan mengalami penyeksaan dan penderaan. Hal ini juga bertujuan mewujudkan keseimbangan terhadap hak dalam perceraian.⁶⁷

Ini kerana pada umumnya, seseorang wanita hanya akan menyerahkan mana-mana bahagian daripada hartanya setelah mengambil kira kemudahan dan keselamatan dirinya. Hal ini pula hanya akan berlaku melalui pemisahan secara sepenuhnya. Pada prinsipnya, si isteri dibenarkan membayar sejumlah bayaran yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak atau ditentukan oleh mahkamah untuk membebaskan dirinya daripada ikatan perkahwinan. Amalan ini memberikan ruang kepada golongan wanita untuk membubarkan perkahwinan, sama seperti peluang yang diberikan kepada pihak suami atau lelaki untuk membubarkan perkahwinan dengan cara melafazkan talak. Keperluan untuk membuktikan berlaku kecahbelahan

⁶² Amalan standard sebagaimana yang diamalkan di Selangor boleh didapati dalam borang yang disediakan.

⁶³ Untuk contoh sila lihat, Ibn Kathir, *Tafsir Al- Qur'an al Azim*, Vol.1, terbitan 1997, Beirut: Dar al-Ma'rifah, hlm. 289.

⁶⁴ Surah al-Baqarah 2: 229-232.

⁶⁵ Untuk contoh J.N.D. Anderson, *Islamic Law in the Modern world*, London, 1959, hlm. 51-52.

Sila lihat Surah al-Talaq 65:2. Lihat juga David Pearl and Werner Menski, *Muslim Family Law*, 3rd Edition, Sweet and Maxwell: London, 1998, hlm.282. Mehrun Siraj, The Shariah Court of Singapore and its control of the Divorce Rate, [1963] 5 *Malaya Law Review*, hlm. 148. Ahmad Ibrahim, *Family Law in Malaysia*, 3rd Edition, Malayan Law Journal, 1997, hlm. 238. Ziba Mir Hosseini, *Marriage on Trial, A Study of Islamic Family Law in Iran and Morocco*, Revised Edition, I.B Tauris Publisher, 2000, hlm.37.

⁶⁶ Libat Najibah Mohd Zin, Legislative Measures to Control Divorce by the Pronouncement of *Talaq in the Malaysian Shariah Courts: A Proposal for Reform*, [2005] *Shariah Law Report* 33.

⁶⁷ Untuk rujukan lanjut, lihat Najibah Mohd Zin, Balancing Wife's Right To Divorce: A Study On Applicable Law in Malaysia on the Right of the Wife to Divorce by *Khulu'* (Redemption) [2007] 3 *Law Review* 490-504.

perkahwinan adalah tidak mustahak. Walau bagaimanapun, undang-undang yang sedia ada menegaskan keperluan persetujuan pihak suami, yang dalam banyak kes amat sukar atau mustahil untuk didapatkan, sebelum pihak hakim dapat membubarkan perkahwinan meskipun pihak isteri menyatakan kesediaan untuk memulangkan mahar.⁶⁸

Islam tidak menggalakkan perceraian, sebaliknya memberikan penekanan terhadap perdamaian, sama ada oleh anggota keluarga terdekat atau juga pendamai yang dilantik oleh sesebuah negeri. Terdapat ayat al-Qur'an yang menegaskan perkara ini dengan menyatakan bahawa perceraian hanya berlaku selepas pihak-pihak yang bertikai telah melalui proses perdamaian, iaitu sebagaimana yang jelas dalam ayat yang berikut⁶⁹:

Dan jika kamu bimbangkan perpecahan antara mereka berdua (suami isteri) maka lantiklah "orang tengah" (untuk mendamaikan mereka, iaitu seorang daripada keluarga lelaki dan seorang daripada keluarga perempuan. Jika kedua-dua "orang tengah" itu (dengan ikhlas) bertujuan hendak mendamaikan, nescaya Allah akan menjadikan kedua (suami isteri itu) berpakat baik...."

Langkah perdamaian ini amat digalakkan dalam penyelesaian permasalahan kekeluargaan bagi mengelakkan perceraian tanpa wujudnya alasan yang kukuh dan juga sebagai usaha mengelakkan proses litigasi yang mungkin membabitkan biaya yang besar. Dari satu sudut, langkah kawalan yang ditetapkan oleh al-Qur'an ini dapat dilaksanakan dengan berkesan dan jayanya sekiranya kedua-dua pihak bersedia untuk berkompromi. Namun jika sebaliknya, maka perceraian merupakan jalan penyelesaian yang terakhir.

Meskipun prinsip umum undang-undang Islam membenarkan seseorang suami melafazkan talak terhadap isterinya, namun pada masa yang sama ia juga menggariskan kaedah-kaedah yang boleh digunakan oleh pihak isteri bagi menamatkan hubungan suami isteri antara mereka. Istilah-istilah seperti *khul' khul'*⁷⁰, *ta'liq*⁷¹, dan *fasakh*⁷² lazimnya digunakan bagi menunjukkan pelbagai kaedah perceraian. Asas bagi setiap istilah ini telah diterangkan dengan jelas lagi mendalam oleh para fuqaha' dan telah diguna pakai oleh banyak Negara Islam, termasuk Malaysia. Berbeza dengan *talaq*, jenis-jenis perceraian yang lain memerlukan

⁶⁸Sila lihat Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) Akta 1984, seksyen 49.

⁶⁹Sila lihat Surah al-Nisa' 4:35.

⁷⁰Perceraian dengan cara penebusan, iaitu isteri akan membayar untuk mendapatkan pembebasannya. Menurut tradisinya, ia berdasarkan jumlah mahar (mas kahwin).

⁷¹Permohonan perceraian oleh pihak isteri apabila syarat-syarat yang dibuat pada masa perkahwinan dilanggar. Sebagai contoh, di Wilayah Persekutuan, syarat-syaratnya berbunyi: Saya dengan sesungguhnya mengaku apabila saya meninggalkan isteri saya (nama isteri) selama empat bulan Hijrah berterusan atau lebih secara sukarela atau dengan daya, dan saya atau wakil saya tidak memberi nafkahnya selama tempoh itu sedangkan dia taat kepada saya, atau saya menyebabkan kecederaan kepada orang perempuan, maka dia membuat aduan kepada mahkamah Syariah dan jika didapati oleh Mahkamah Syariah adalah benar, dan dia memberikan kepada Mahkamah Syariah yang diterima pada bagi pihak saya sebanyak satu ringgit, maka dia telah bercerai dengan talaq khul'i.

⁷²Permohonan untuk perceraian itu oleh isteri berdasarkan alasan yang telah ditetapkan sebagaimana yang digariskan oleh ulama Islam. Di Malaysia, alasan bagi fasakh yang terdiri daripada pendapat pelbagai mazhab. Antaranya termasuklah kegagalan untuk memberikan nafkah, mati pucuk, gila atau sebarang penyakit menjijikkan yang dialami oleh suami.

hukuman mahkamah sebaik sahaja pemohon boleh membuktikan bahawa perkahwinan telah tidak dapat diselamatkan lagi.

Namun wujud pengecualian bagi kes *khulu'*, iaitu berdasarkan persetujuan bersama antara kedua-dua pihak atau juga hanya pihak isteri. Di negara-negara seperti Syria dan Bangladesh, wanita diberikan hak untuk menceraikan suaminya melalui *talaq tafwid*, iaitu pada masa perkahwinan, suami boleh memindahkan kuasa talaq (untuk menceraikan isterinya) kepada isterinya melalui hukuman mahkamah. Kedua-dua buah Negara ini membenarkan amalan ini dengan memasukkan peruntukan tersebut dalam sijil perkahwinan.⁷³

Wanita dan Hak Penjagaan

Sumber utama undang-undang Syariah tidak menyatakan secara khusus bahawa ibu hendaklah diutamakan berbanding dengan bapa apabila isu hak penjagaan timbul. Walau bagaimanapun, perkara ini boleh disimpulkan daripada ayat Qur'an yang berikut:

“Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu.”⁷⁴

Ayat ini menjadi asas bagi hukum yang dikeluarkan oleh fuqaha', iaitu untuk menyimpulkan bahawa hak penjagaan bayi secara automatik dimiliki oleh ibu, dengan syarat ibu berkemampuan untuk menjalankan tanggungjawab berkenaan sepanjang tempoh dua tahun pertama penyusuan dan bapa pula tidak berkemampuan untuk mengupah seseorang bagi menyusui bayi berkenaan.⁷⁵ Menurut pandangan yang lain, mahkamah boleh memaksa seorang ibu yang enggan menerima hak penjagaan anaknya untuk berbuat demikian.⁷⁶

Justeru itu, boleh disimpulkan bahawa ibu memiliki keutamaan yang lebih besar berbanding dengan bapa selagi ia menyusui bayinya. Walau bagaimanapun, sebagai langkah berjaga-jaga, undang-undang Islam juga menegaskan bahawa dalam pertikaian hak penjagaan, hak kanak-kanak adalah utama berbanding dengan hak penjaga. Selain itu, undang-undang Islam juga menetapkan bahawa berbanding dengan perkara-perkara yang lain, kebajikan kanak-kanak adalah paling penting dan wajar diberikan sepenuh perhatian.⁷⁷

Kecenderungan terhadap penjagaan oleh wanita amat ditekankan sepanjang tempoh hadanah, iaitu sehingga mencapai usia tujuh tahun bagi lelaki dan sembilan tahun bagi perempuan (atau juga sehingga mencapai usia baligh menurut pandangan beberapa fuqaha).⁷⁸ Pada peringkat usia ini, keutamaan diberikan kepada ibu dengan anggapan bahawa ibu mengetahui cara terbaik untuk mendidik dan membimbing anaknya.⁷⁹

⁷³Maklumat ini diperoleh daripada pelanggan yang menghadiri Klinik undang-undang Syariah di Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan penulis merupakan ahli panel. Untuk maklumat lanjut, lihat juga Ashgar Ali Engineer, hlm. 68.

⁷⁴Surah al-Baqarah 2: 233

⁷⁵Wahbah al Zuhaili(1996) *Fiqh al Islami wa Adillatuhu*, hlm. 698.

⁷⁶*Ibid.*, ini merupakan pandangan Mazhab Maliki manakala mazhab-mazhab yang lain menjadikannya hanya sebagai pilihan.

⁷⁷*Ibid.*, hlm. 718.

⁷⁸*Ibid.*, hlm. 742-743.

⁷⁹Sunan Abu Dawud, Kitab al-Talaq, Jil. 2, hlm. 616.

Undang-undang menganggap meskipun kualiti ini berkemungkinan tidak setara, kuasa penjagaan diperluas kepada ibu saudara sebelah ibu dalam situasi ketiadaan ibu. Hal ini dapat dilihat dalam riwayat yang lain berhubung dengan pertikaian antara tiga orang yang mempunyai hubungan dengan seorang kanak-kanak. Apabila kes tersebut dibawa kepada Nabi s.a.w., penjagaan diberikan kepada ibu saudara sebelah ibu dan Nabi s.a.w. bersabda bahawa 'ibu saudara sebelah ibu berada dalam kedudukan seorang ibu'.⁸⁰

Peranan bapa dalam urusan berkaitan dengan kanak-kanak kekal sebagai penjaga untuk memelihara kepentingan kanak-kanak itu dari segi nafkah, pendidikan, perubatan, dan keperluan fizikal yang lain walaupun penjagaan diberikan kepada ibu. Berasaskan prinsip *maqasid al-shari'ah*, ibu bapa kandung perlu terus melaksanakan tanggungjawab terhadap kanak-kanak tersebut walaupun mereka telah pun bercerai atau berkahwin semula.⁸¹ Dalam kes seorang bapa telah meninggal dunia atau tempat beliau berada tidak diketahui, kewajipan untuk menyediakan nafkah menjadi tanggungjawab datuk sebelah bapa atau bapa saudara atau bapa saudara sebelah bapa (keturunan lelaki) mengikut peraturan dalam pusaka.⁸² Dalam kes anak luar nikah, kewajipan untuk menyediakan nafkah dipertanggungjawabkan kepada ibu, atau jika ia tidak berkemampuan, kewajipan tersebut perlu dipikul oleh saudara sebelah ibu⁸³ dan negeri akan mengambil alih tanggungjawab tersebut disebabkan ketiadaan mereka. Perkahwinan semula si ibu dengan seseorang yang asing atau tidak dikenali juga tidak semestinya menjejaskan hak hadanahnya selagi kepentingan dan kebajikan anaknya itu terpelihara. Nabi s.a.w. sendiri mengahwini seorang wanita, iaitu Ummu Salamah yang mempunyai anak hasil perkahwinannya dengan suami terdahulu dan anak tersebut berada dalam jagaannya. Kanak-kanak tersebut terus berada di bawah jagaan Ummu Salamah selepas perkahwinannya dengan Nabi s.a.w.⁸⁴

Hak kepada milik persendirian

Sebagai individu yang memiliki identiti yang merdeka, al-Qur'an menegaskan bahawa kaum lelaki akan memperoleh manfaat daripada pendapatan⁸⁵ mereka. Demikian jugalah dengan kaum wanita dan bagi kaum wanita, ia sama ada melalui harta yang diterima daripada pusaka, hadiah atau diperoleh melalui usahanya sendiri. Wanita ini tidak diwajibkan untuk menyara dirinya atau anak-anaknya tanpa mengira status suaminya, sama ada kaya atau juga miskin. Walau bagaimanapun, jika ia membelanjakan harta atau pendapatannya untuk memenuhi keperluan keluarganya, perbuatannya itu dianggap sebagai amal kebajikan dan bukannya kewajipan.

Hak pemilikan berasingan (independent ownership) ini telah dinyatakan dalam al-Qur'an:

Wahai orang-orang yang beriman, tidak halal bagi kamu mewarisi perempuan-perempuan dengan jalan paksaan dan janganlah kamu menyakiti mereka (dengan menahan dan menyusahkan mereka) kerana

⁸⁰*Ibid.*, 617.

⁸¹Lihat sebagai contoh, Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) Akta 1983, ss. 88 (2), s. 72.

⁸²Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) Akta 1983, s. 78 (2)

⁸³ Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) Akta 1983, s. 80.

⁸⁴Al Shaukani, *Nail al-Authar*, Jil. 6, hlm.878.

⁸⁵Surah al-Nisa' 4:32.

kamu hendak mengambil balik sebahagian dari apa yang kamu telah berikan kepadanya.⁸⁶

Ayat yang dinyatakan di atas diturunkan sebagai tindak balas terhadap penyelewengan dan tradisi umum yang dikenakan terhadap wanita pada zaman sebelum Islam⁸⁷ kecuali dalam beberapa keadaan yang jarang-jarang berlaku seperti Khadijah yang merupakan seorang ahli perniagaan dan harwatan sebelum perkahwinannya dengan Nabi s.a.w.⁸⁸ Perintah al-Qur'an yang seterusnya menyokong pemilikan bebas ini dengan mempertanggungjawabkan wanita untuk membayar zakat dan mengurniai mereka ganjaran yang sama bagi setiap amal salih dan kebajikan yang dilakukan.⁸⁹ Perbincangan di atas juga menunjukkan bahawa wanita dibenarkan untuk mencari pekerjaan walaupun undang-undang Islam tidak menjadikan pekerjaan sebagai kewajipan mereka. Penyelidikan moden tentang hak-hak wanita menyatakan bahawa wanita perlu bekerja sekiranya wujud keperluan untuk mereka berbuat demikian. Contohnya, jika terdapat wanita yang cekap dan mampu untuk menguruskan pekerjaan tertentu bagi memenuhi permintaan masyarakat, iaitu dengan memperoleh manfaat daripada bakat luar biasa mereka dalam apa juga bidang.⁹⁰ Di kebanyakan negara Islam seperti Sudan, Indonesia, dan Malaysia, wanita telah dilantik sebagai hakim di mahkamah dan jabatan-jabatan perkhidmatan awam yang lain. Ini adalah selaras dengan aspirasi dan keperluan masyarakat moden yang memerlukan penyertaan wanita yang lebih luas dalam bidang-bidang yang berkaitan terutama dalam bidang yang mempunyai hubungan dengan kebajikan mereka.⁹¹

Hak terhadap Harta Pusaka

Sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini, pada zaman sebelum kedatangan Islam, hak kaum wanita terhadap banyak perkara atau bidang telah dinafikan, termasuklah hak untuk mewarisi.⁹² Sebaliknya, wanita boleh dimiliki oleh seseorang lelaki dan juga boleh diwarisi. Ajaran Islam melarang amalan tersebut⁹³ dan mengembalikan hak wanita terhadap pewarisan dan mengiktiraf pemilikan mutlak terhadap harta tersebut.

Al-Qur'an menegaskan:

Orang-orang lelaki ada bahagian pusaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian pusaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat, samada sedikit atau banyak dari harta

⁸⁶Surah al-Nisa' 4:19.

⁸⁷ Pada zaman sebelum Islam, apabila suami seseorang wanita meninggal dunia, ia menjadi hak milik anggota keluarga suami dan terdedah pada layanan tidak berperikemanusiaan. Lihat Al-Qurtubi, *Al Jami'u al Ahkam al-Al-Qur'an*, Jil.5, hlm. 94.

⁸⁸Fatima Umar Naseef, hlm. 42.

⁸⁹Lihat juga Surah al-Ahzab 33:33; 33:35.

⁹⁰Lihat Fatima Umar Naseef, hlm. 102.

⁹¹Lihat juga peruntukan-peruntukan yang relevan dalam Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW).

⁹²Ibn Kathir, *Tafsir Al-Qur'an al-Azim*, Jil.1, hlm.468.

⁹³Surah al-Nisa' 4: 19.

yang ditinggalkan itu; iaitu bahagian yang telah diwajibkan (dan ditentukan oleh Allah)⁹⁴

Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah satu perdua (separuh) harta itu.⁹⁵

Dalam menjelaskan tujuan ayat-ayat yang berkaitan dengan pembahagian harta pewarisan, 'ulama' sepakat mengatakan bahawa harta pusaka tidak harus dilihat sebagai isu jantina. Sebaliknya, ia mempunyai kaitan dengan faktor sosial dan ekonomi semata-mata selain peranan kedua-dua jantina tersebut, iaitu lelaki dan wanita.⁹⁶

Ia bertujuan mengukuhkan undang-undang terhadap harta pusaka, iaitu harta tersebut mesti digunakan untuk menyara individu-individu yang berada di bawah jagaannya. Walaupun undang-undang pewarisan menunjukkan beberapa ketidaksamaan jika diukur dari aspek matematik atau aritmetik atau kesamaan, namun ia tidak memberikan maksud ketidaksamaan atau nilai seorang wanita adalah separuh daripada lelaki. Peraturan tersebut berdasarkan tanggungan serta kewajipan kaum lelaki sebagai penyumbang nafkah dan bukannya pemerolehan sepenuhnya terhadap harta berkenaan. Justeru itu, falsafah yang mendasari peraturan pembahagian harta pusaka ini mesti dikawal dan dikuatkuasakan di mahkamah.

Kajian yang dijalankan terhadap harta pewarisan dalam keseluruhan rangka kerja undang-undang Islam menunjukkan bahawa kaum wanita bukan sahaja diberikan keadilan malah juga limpahan belas kasihan. Kitaran sepenuhnya kehidupan seorang wanita sebagai anak perempuan, kakak atau adik, isteri, ibu atau nenek telah diperuntukkan dengan bahagian yang ditentukan.⁹⁷ Dalam situasi yang lain, diriwayatkan bahawa Muaz bin Jabal r.a. telah memberikan separuh harta pusaka kepada kakaknya dan separuh lagi kepada anak perempuannya ketika Nabi s.a.w. masih hidup⁹⁸. Ini berkemungkinan dilakukan dengan persetujuan Nabi dan dengan tidak mengambil kira pembahagian berdasarkan peraturan pewarisan.

Amalan ini mencerminkan tahap kefahaman yang tinggi terhadap keperluan ahli keluarga yang merupakan intipati undang-undang pewarisan itu sendiri yang bertujuan membantu dan bukannya untuk memaksakan hak sesuatu pihak terhadap pihak yang lain. Perkara ini turut disokong oleh banyak Hadith Nabi s.a.w. yang memerintahkan supaya diperuntukkan bahagian untuk golongan yang memerlukan melalui kaedah-kaedah lain seperti hadiah (*hibah*), wasiat (*wasiiyah*) atau cara-cara kebajikan yang lain.

Dalam menjelaskan tujuan undang-undang pewarisan, ulama' berhujah mengatakan bahawa perintah syarak yang memperuntukkan separuh bahagian bagi wanita berdasarkan

⁹⁴Surah al-Nisa'4: 7.

⁹⁵Surah al-Nisa' 4:11.

⁹⁶Untuk contoh Ashgar Ali Engineer, hlm. 70.

⁹⁷Rujuk huraian lanjut tentang bahagian yang diperuntukkan dalam Surah al-Nisa' 4:11.

⁹⁸ Sunan Abu Dawud, Kitab Al-Faraid, terjemahan ke bahasa Inggeris oleh Ahmad Hassan dengan catatan keterangan, New Delhi: Al-Medina Publications.

pembahagian kewajipan atau tanggungjawab dan manfaat berasaskan tanggungjawab yang dipikul⁹⁹. Memandangkan Islam mengecualikan kaum wanita daripada semua tanggungjawab kewangan, maka wajarlah kaum lelaki diberikan bahagian harta yang lebih besar, iaitu untuk melaksanakan tanggungjawab kewangan yang dipikul mereka.¹⁰⁰ Kewajipan ini termasuklah pembayaran nafkah untuk keluarga, ibu bapa dan ibu bapa mertua dan juga bagi memenuhi pelbagai keperluan kewangan termasuklah tanggungjawab sosial dan agama.¹⁰¹ Oleh itu, campur tangan Negeri adalah diperlukan jika kaum lelaki mengabaikan tugas dan tanggungjawab utama mereka terhadap keluarga.

Hak Berpolitik

Pada umumnya, dari segi politik, kaum wanita dilibatkan dalam urusan membuat keputusan dan menyatakan pendapat mereka. Ini berdasarkan beberapa perintah al-Qur'an yang menyentuh tentang keperluan untuk diadakan perundingan secara bersama demi manfaat masyarakat secara keseluruhannya.¹⁰² Penyertaan ini bersifat asasi dalam sistem politik Islam yang menuntut penglibatan lebih besar anggota masyarakat, termasuk lelaki dan wanita. Al-Qur'an dan sejarah Islam menunjukkan banyak contoh wanita yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan yang serius dan berhujah, meskipun dengan Nabi s.a.w. sendiri, tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan kebajikan atau urusan agama mereka.¹⁰³ Semasa zaman pemerintahan Khalifah `Umar bin al-Khattab r.a., seorang wanita berdebat dengannya di dalam masjid berhubung dengan cadangan untuk menetapkan jumlah mas kahwin dan ini telah menyebabkan beliau mengisytiharkan di hadapan khalayak ramai: "Wanita ini benar dan `Umar salah."¹⁰⁴

Al-Qur'an menceritakan beberapa peristiwa tentang aduan kaum wanita terhadap layanan yang buruk oleh suami mereka ke atas mereka. Contohnya, al-Qur'an menyatakan:

Sesungguhnya Allah telah mendengar (dan memperkenan) aduan perempuan yang bersoal jawab denganmu (wahai Muhammad) mengenai suaminya, sambil dia berdoa merayu kepada Allah (mengenai perkara yang menyusahkannya), sedang Allah sedia mendengar perbincangan kamu berdua. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.¹⁰⁵

Ayat di atas membuktikan bahawa kebebasan untuk menyatakan pendapat adalah hak yang diiktiraf bagi setiap wanita. Kebebasan ini meliputi wanita yang memeluk agama Islam,

⁹⁹ Lihat Yusuf al-Qaradawi, *Min Fiqh al-Daulah fi al-Islam*, Egypt: Dar al-Syuruk, 1999, hlm. 162.

¹⁰⁰ Lihat Yusuf al-Qaradawi, *Min Fiqh al-Daulah fi al-Islam*, Egypt: Dar al-Syuruk, 1999, hlm. 162.

¹⁰¹ Lihat al-Shaukani, *Nail al-Authar, Kitab al-Nafaqah*, Jilid .8, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, diterbitkan pada 1999, hlm. 340.

¹⁰² Surah al-Syura 42:38 dan Surah Ali `Imran 3:159.

¹⁰³ Lihat Surah al-Mujadilah 58: 14 dan Surah al-Mumtahanah 60: 10-12.

¹⁰⁴ Al-Qurtubi, *Al-Jami'u al-Ahkam al-Qur'an*, Jil.5, hlm.99. Perdebatan tersebut berkaitan dengan penetapan jumlah mahar dan wanita itu memetik ayat al-Qur'an yang melarang lelaki untuk mengambil semula mahar selepas berlakunya perceraian walaupun jumlahnya adalah seperti sebuah gunung emas. Lihat Surah al-Nisa' 4:20. Lihat juga Fatima Umar Naseef, hlm. 146.

¹⁰⁵ Surah al-Mujadilah 58:1.

wanita yang berhijrah, dan juga yang meminta perlindungan daripada negara Islam. Dalam hubungan ini, al-Qur'an menyebut tentang tugas yang perlu dilaksanakan oleh sesebuah negara untuk memberikan perlindungan kepada wanita-wanita seperti ini dan memberikan pampasan kepada suami yang bukan Islam. Wanita-wanita penghijrah ini dibenarkan berkahwin semula dan menuntut mahar daripada suami baharu mereka.¹⁰⁶

Penjelasan lanjut berhubung dengan peranan wanita dalam konteks umum boleh dilihat dalam Hadith, iaitu `Aisyah (isteri kepada Nabi s.a.w.) meminta izin kepada Baginda untuk menyertai jihad. Walau bagaimanapun, Nabi s.a.w. menjawab bahawa 'jihad untuk wanita ialah haji'. Mengulas Hadith ini, al-`Askalani menyebut bahawa kenyataan itu tidak menghalang wanita daripada menyertai peperangan, tetapi sebaliknya undang-undang tidak mewajibkannya untuk mereka.¹⁰⁷ Justeru itu, dapat dilihat bahawa ramai banyak pada zaman Nabi s.a.w. yang terlibat secara aktif dalam peperangan (jihad) dengan menentang pihak musuh-musuh, merawat tentera yang sakit dan cedera selain mengagih-agihkan air kepada tentera dan memberikan bantuan-bantuan yang lain.¹⁰⁸ Oleh itu, peraturan ini tidak menunjukkan larangan secara keseluruhan namun sebaliknya merupakan keutamaan dan ia bergantung pada keperluan masyarakat.

Perkara yang sama berlaku dalam konteks wanita menjadi pemerintah atau ketua sesebuah negara. Banyak pihak membahaskan bahawa tugas sebagai ketua Negara mungkin tidak bersesuaian dengan wanita, dengan mengambil kira ciri-ciri fizikal dan psikologi wanita yang lebih utama berperanan sebagai penjaga rumahtangga yang memerlukan tumpuan penuh.¹⁰⁹

Hujah ini didasarkan pada Hadith yang diriwayatkan dalam Sahih al-Bukhari yang menyatakan bahawa 'orang-orang yang melantik wanita sebagai pemerintah tidak mungkin akan berjaya'.¹¹⁰ Sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Qaradawi, Hadith ini telah diriwayatkan dalam keadaan yang tertentu dan tidak boleh digunakan untuk kegunaan umum melainkan terdapat teks yang jelas menyatakan larangannya.¹¹¹ Justeru itu, halangan ini tidak berkaitan dengan maruah wanita atau juga hak-haknya. Ia sebaliknya berkaitan dengan perbezaan semula jadi dalam aspek biologi dan psikologi lelaki dan wanita, kecuali keadaan menunjukkan perkara sebaliknya, iaitu tiada calon lain yang lebih sesuai melainkan wanita. Walau bagaimanapun, telah dihujahkan bahawa wanita boleh diberikan jawatan yang kurang berat yang tidak bercanggah dengan peranan utama dan semula jadi mereka. Ini dapat dilihat misalnya melalui tindakan Khalifah `Umar yang menyerahkan tanggungjawab pengurusan kepada Ash Shaffa' binti `Abdullah al-Adawiyya disebabkan penguasaan dan kemahirannya dalam penulisan, pengetahuan luas yang dimilikinya selain ketaqwaannya.¹¹²

Hujah-hujah yang telah dinyatakan sebahagian besarnya menyediakan garis panduan tentang bagaimana undang-undang Islam mengawal hak-hak wanita dan menentukan peranan

¹⁰⁶Surah al-Mumtahanah 60:10.

¹⁰⁷Lihat al-`Askalani, *Fath al Bari sharh Sahih al Bukhari*, Jil. 6, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Edisi 1, 1981 hlm. 94-95.

¹⁰⁸Lihat Sahih al Bukhari, Bab tentang Jihad, Hadith no. 131, 132, 133, 134, 135.

¹⁰⁹Lihat contohnya Fatima Umar Naseef, hlm. 159.

¹¹⁰Hadith ini banyak yang disebut oleh sarjana Islam moden. Lihat juga perbincangan dalam Yusuf al Qaradawi *Min Fiqh al Daulah fi al-Islam*, Mesir: Dar al-Syuruk, 1999 hlm. 165-6.

¹¹¹*Ibid.*, hlm. 166.

¹¹²Lihat contohnya Fatima Umar Naseef, hlm. 159.

mereka dalam masyarakat. Walau bagaimanapun, ia tidak menunjukkan bahawa undang-undang harus diaplikasikan secara literal dan sempit dengan mengambil kira hakikat bahawa yang ia perlu disesuaikan mengikut keperluan masyarakat. Contoh yang telah dikemukakan pada zaman awal Islam menunjukkan penyertaan lebih luas kaum wanita dalam konteks awam yang boleh dicontohi oleh masyarakat Islam dalam menghakis sesetengah tradisi yang membawa kepada kemunduran dan penindasan terhadap wanita.

Rumusan

Perbincangan di atas membuktikan bahawa hak-hak wanita dalam Islam telah diberikan penekanan dalam sumber utama undang-undang Islam yang menunjukkan kepentingan dan hubungan mereka dalam semua aspek kehidupan. Walau bagaimanapun, dalam menterjemah dan menggunakan prinsip-prinsip berkenaan dalam realiti zaman moden kini, ia telah menimbulkan banyak salah faham disebabkan ketidakupayaan untuk membezakan antara keperluan teks dan budaya sedia ada yang diamalkan secara meluas dalam masyarakat Islam, sekali gus ia mencerminkan pandangan negatif Islam terhadap kaum wanita. Terdapat banyak tulisan dan kajian tentang wanita Islam, sama ada oleh penulis barat mahupun juga Islam yang mentafsirkan undang-undang selaras dengan budaya dan tradisi sedia ada yang tidak sesuai dan bersifat menindas. Tulisan-tulisan berkenaan juga tidak mempertimbang bagaimana undang-undang perlu ditafsirkan dan dilaksanakan namun sebaliknya menggambarkan bahawa seolah-olah masyarakat terbentuk sebagai hasil daripada undang-undang Islam. Oleh yang demikian, cadangan untuk menggunakan analisis kontekstual yang disokong oleh aspek sosiologi undang-undang dan maqasid al-Syariah (objektif undang-undang Islam) dalam memahami sumber-sumber Islam dalam membincangkan isu-isu wanita amat perlu bagi mencapai pertimbangan dan kefahaman yang adil.